



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	26/7/2019	MUKA SURAT	:	1
JABATAN	:	SPAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

CEMAR BEKALAN AIR DIHUKUM MATI ²

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar menegaskan, sesiapa yang didapati bersalah mencemarkan sistem bekalan air di negara ini dengan sengaja berdepan hukuman amat berat termasuk dihukum gantung sampai mati

 Ia termaktub dalam Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).” - Kata Dr. Xavier pada sidang media selepas merasmikan Projek Air Bersih Etiqa di Kuala Lumpur semalam





KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	26/7/2019	MUKA SURAT	: 2
JABATAN	:	SPAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Pesalah cemar air boleh dihukum mati

Hukuman tersebut termaktub dalam Akta Industri Perkhidmatan Air 2006

NOOR AINULYAKIN ISHAK

KUALA LUMPUR

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar menegaskan hukuman berat termasuk hukuman mati boleh dikenakan ke atas sesiapa yang didapati bersalah mencemarkan sistem bekalan air dengan sengaja.

Menurutnya, ia termaktub dalam Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

"Kita mempunyai akta yang cukup ketat sehingga kita boleh mengenakan hukuman mati kepada mereka yang mencemarkan air dengan sengaja atau kemungkinan besar mendatangkan kemudaratan (kepada pengguna).

"Kita boleh menggunakan akta itu dan tidak perlukan lagi sebarang pindaan atau penambahbaikan undang-undang," katanya pada sidang media selepas merasmikan Projek



FOTO: ROSLI TALIB

Xavier (dua dari kanan) bersama Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Indah Water Konsortium Sdn Bhd, Faizal Othman (kanan) dan Timbalan Presiden Persatuan Air Malaysia, Mohamad Asari Daud (dua dari kanan) melihat replika loji air di Kuala Lumpur semalam.

Air Bersih Etiqa di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada kementerianya bercadang menambah baik undang-undang sedia ada bagi mengekang kegiatan pencemaran air susulan pencemaran Sungai Selangor disebabkan minyak diesel yang dipercayai akibat perbuatan khianat.

Dalam pada itu, Xavier berkata, siasatan berhubung pencemaran Sungai Selangor diserahkan sepenuhnya kepada polis dan berharap mereka yang terlibat dibawa ke mahkamah.

Sebelum ini, Xavier mengesahkan insiden pencemaran Sungai Selangor sehingga menjejaskan bekalan air terawat kepada pengguna

di negeri itu dipercayai akibat perbuatan khianat.

Susulan itu, Ketua Polis Negara, Datuk Seri Abdul Hamid Bador berkata, mana-mana individu yang terlibat melakukan sabotaj sehingga menyebabkan pencemaran minyak di Sungai Selangor boleh dikenakan tindakan di bawah prosedur Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (Sosma).

Seksyen 121 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 memperuntukkan mereka yang didapati bersalah mencemarkan sistem bekalan air sehingga menyebabkan kematian manusia boleh dikenakan hukuman mati atau penjara sehingga 20 tahun dan sebatan.